# Laporan Tahunan 2018

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia




**'Mendepani Cabaran Merealisasi Harapan'**

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia




**"mendepani cabaran merealisasi harapan"**

## Rasional

Konsep abstrak dan simbol bulat pada muka depan buku ini memaparkan perubahan dinamik teknologi terkini termasuk dalam suasana perburuhan semasa.

Imej yang menggabungkan tenaga manusia dengan teknologi maklumat menggambarkan penghasilan pengurusan perburuhan yang moden dan canggih selaras dengan keperluan industri semasa.

Bentuk bulat melambangkan peranan JTKSM yang memantau pengurusan perburuhan di Malaysia dari pelbagai sudut. Peta Semenanjung Malaysia menunjukkan sempadan autoriti JTKSM

Warna jingga dijadikan tema Buku Laporan Tahun 2018 sebagai simbol optimisme dan keselamatan. Ini melambangkan iltizam JTKSM dalam **Mendepani Cabaran Merealisasi Harapan** orang awam dan memastikan hak warga industri terjaga.

# IsiKandungan


iv. **Profil Korporat**

v. **Piagam Pelanggan**

vi. **Carta Organisasi**

viii. **Kata Tinta Ketua Pengarah**

x. **Pengurusan Tertinggi**

2. **Penguatkuasaan**
   - i. Pemeriksaan Berkanun
   - ii. Pemeriksaan Ladang
   - iii. Gaji Minimum
   - iv. Operasi Pasukan Khas Penguatkuasaan
     - Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan
     - Pemeriksaan Pasukan Khas Penguatkuasaan/Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)
     - Operasi Penguatkuasaan *One Visit-Policy*
   - v. Permit Perburuhan
   - vi. Pengendalian Siasatan Aduan
   - vii. Kertas Siasatan
   - viii. Pendakwaan
   - ix. Kompaun
   - x. Kes Buruh
   - xi. Pengurusan Pekerja Asing
     - Pampasan Pekerja Asing
     - Permohonan Penggajian Pekerja Asing
     - Pertukaran Majikan
     - Penggajian Pekerja Domestik Asing
     - Permohonan Perakuan Penggajian Pekerja Domestik Indonesia

34. **Pengoptimuman Perkhidmatan Pekerjaan Negara**
   - i. Pendaftaran Pencari Kerja
   - ii. Kekosongan Jawatan
   - iii. Penempatan Pekerjaan
   - iv. Informasi Pekerjaan dan Latihan (IPEL)
   - v. Agensi Pekerjaan Swasta

44. **Promosi**
   - i. *Mobile Labour Care* (MOLAC)
   - ii. Pendidikan Perburuhan
   - iii. Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)
   - iv. Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)
   - v. Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja

52. **Pembangunan Organisasi**
   - i. Pengurusan Kewangan
   - ii. Latihan
   - iii. Bintang & Pingat
   - iv. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
   - v. Persaraan
   - vi. Maklum Balas Pelanggan

64. **Sorotan Peristiwa JTKSM**
   - i. Persidangan Separuh Penggal JTKSM 2018
   - ii. Pelancaran Portal JobsMalaysia 2.0
   - iii. Sambutan Hari Pekerja 2018
   - iv. *Jobs Fair @UTC 4.0 & Jobs Fair @UTC 5.0*
   - *v.* *Economic Partnership Programme (EPP)*
   - *vi.* Sesi Dialog Majikan Industri Getah
   - vii. Penerbitan

74. **Wacana JTKSM**

78. **Memoir JTKSM**
   - i. *Get Together With DG*
   - ii. Kelas Mengaji
   - iii. Perhimpunan Bulanan JTKSM
   - iv. Sambutan Hari Raya JTKSM
   - v. *JTK OSH Day*

84. **Direktori JTKSM**
   - i. Ibu Pejabat
   - ii. JTK/PTK Negeri dan Daerah
   - iii. Pusat *Jobs* Malaysia

94. **Sidang Redaksi**

# Profil Korporat

## VISI

Peneraju Utama Kecemerlangan Pentadbiran Perburuhan Di Sektor Swasta

## MISI

- Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan
- Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh

## OBJEKTIF

- Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri
- Mengutama dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan

## DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan

# Piagam Pelanggan

01 Menyediakan kemudahan Pusat JobsMalaysia yang efektif dan mesra pelanggan bagi :

- Memberi kemudahan percuma untuk mendaftar secara *online;*
- Penjodohan pekerjaan dalam tempoh 24 jam secara *online* tertakluk kepada kesesuaian jawatan dan kelayakan; dan
- Menyediakan khidmat sokongan penempatan pekerjaan.

02 Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan;

03 Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan;



04 Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja;



05 Memproses lesen hiburan awam di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja;





06 Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima;

07 Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima;



08 Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra; dan



09 Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.



**DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM**
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
(JUSA A)

**ENCIK ZAIHAS MOHD SYAKIR BIN HASFAR**
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
L41/L44



**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
(JUSA B)



**PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN**
PPP S54
ENCIK SAFIAN BIN HAMZAH



**PENGARAH STANDARD PERBURUHAN**
PPP S54
ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL



**PENGARAH BAHAGIAN PEKERJA ASING**
PPP S52
ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM



**JTK SELANGOR**
S54
ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR



**JTK WP KUALA LUMPUR**
S54
ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB



**JTK PERAK**
S54
ENCIK AHMAD KHUSAIRI BIN LOPE ABDUL RAHIM



**JTK NEGERI SEMBILAN**
S52
ENCIK S. THARUMARAJAN A/L SINNAGOUNDAR



**JTK PAHANG**
S52
ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN



**JTK MELAKA**
S48
PUAN SURAIYA CH'NG BINTI ABDULLAH

# Carta Organisasi 2018
## Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



**PUAN FAUZIAH BINTI ABDULLAH**
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
S41/S44



**PUAN PAEZA BINTI ROSDI**
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN)
(JUSA C)



**PENGARAH BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK**
PPP S54
ENCIK AMINUDDIN BIN AB RAHAMAN



**PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN**
PPP S52
ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI



**PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN**
PTD M52
PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN



**JTK JOHOR**
S54
ENCIK YUSOFF BIN HARUN



**JTK PULAU PINANG**
S54
ENCIK SAZALI BIN KETEH



**JTK KELANTAN**
S48
ENCIK ROSLI BIN OMAR



**JTK KEDAH**
S48
ENCIK AZRUL HISHAM BIN KAMARUZZAMAN



**JTK TERENGGANU**
S48
ENCIK BURHANUDDIN BIN JUSOH



**JTK PERLIS**
S48
ENCIK ISKANDAR BIN JASSA



**JTK LABUAN**
S44
ENCIK AG ISMAIL BIN AG TANGAH

# **Kata Tinta** Ketua Pengarah

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Bersih

Alhamdulillah, saya amat bersyukur Buku Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) 2018 ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada barisan sidang redaksi penerbitan dan semua pihak yang terlibat. Melalui penerbitan seumpama ini, seluruh warga kerja JTKSM dan juga pemegang taruh (stakeholder) akan memperoleh informasi yang tepat berkaitan pencapaian dan kejayaan JTKSM secara menyeluruh sepanjang tahun 2018.

Bagi tahun 2018, sejajar dengan visi dan misi Jabatan selaku peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta, JTKSM sentiasa siap siaga dalam meningkatkan semangat dan iltizam anggota Jabatan bagi memperkasa pentadbiran perburuhan mencakupi aspek peningkatan kebajikan warga pekerja dan kepentingan majikan serta memperluas peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh. Tahun ini menyaksikan JTKSM mendepani cabaran-cabaran dalam pengurusan perburuhan terutamanya ke arah *Industrial Revolution 4.0* dan *future of work*.

Selari dengan itu, tahun 2018 menyaksikan suntikan nafas baru teknologi dalam JTKSM iaitu *face-lifting* laman web rasmi JTKSM (jtksm.mohr.gov.my) yang lebih dinamik dan mesra pengguna serta pelancaran Portal JobsMalaysia 2.0 (www.jobsmalaysia.gov.my) yang lebih efisyen pada 14 September 2019 oleh Menteri Sumber Manusia. Kedua-dua inisiatif ini dijalankan bagi meningkatkan akses capaian kepada perkhidmatan Kerajaan serta memastikan platform yang digunakan tidak lapuk dan sentiasa relevan terutamanya dalam kalangan pengguna generasi *millennial* iaitu golongan pekerja dan pencari kerja.

JTKSM juga sentiasa berusaha memastikan undang-undang perburuhan negara selaras dengan keperluan industri semasa. Pada 1 Februari 2018, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan 2017) telah berkuat kuasa dan memperlihatkan anjakan baru fungsi Agensi Pekerjaan Swasta (APS) di Malaysia. Fungsi APS telah diperjelas dengan memperkenalkan kelas-kelas lesen APS mengikut kategori penempatan dan pencari kerja yang terlibat. Bon Jaminan turut diperkenalkan bertujuan untuk melindungi golongan pencari kerja. Pindaan ini menampakkan fungsi sebenar APS dalam perekrutan pekerja dan peranan APS sebagai medium *outreach* Kerajaan dalam perkhidmatan pekerjaan awam.

Sebagai sebuah jabatan yang menguatkuasakan undang-undang perburuhan negara, JTKSM melaksanakan penguatkuasaan perburuhan secara proaktif dan berterusan meliputi pelbagai sektor. Aktiviti penguatkuasaan JTKSM diterajui oleh Pasukan Khas Penguatkuasa (PKP) yang mempunyai kekuatan anggota seramai 30 orang. Sepanjang tahun 2018, PKP JTKSM telah berjaya menjalankan sebanyak 1,381 operasi di seluruh Semenanjung Malaysia dan berjaya membuka 126 kertas siasatan (KS) di mana sebanyak 46 KS telah diberi izin kompaun dan 45 KS lagi telah diberi izin dakwa. Penekanan juga telah diberikan ke atas Operasi Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM) di bawah Akta

ATIPSOM 2007 dalam usaha membanteras aktiviti pemerdagangan orang khususnya yang melibatkan aktiviti buruh paksa. Operasi ATIPSOM lazimnya dijalankan secara integrasi dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). JTKSM juga berusaha memantapkan impak penguatkuasaan perburuhan secara tuntas melalui operasi penguatkuasaan bersepadu dengan agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang dikenali sebagai *"One Visit Policy"*. Sebanyak 160 majikan telah diperiksa untuk tahap pematuhan perundangan perburuhan melalui operasi One Visit Policy tahun 2018.

Perkhidmatan Pekerjaan merupakan salah satu daripada dua tunjang perkhidmatan JTKSM. JTKSM sebagai peneraju perhidmatan pekerjaan awam di Malaysia telah berjaya mencapai 168,677 atau 98.1% penempatan daripada sasaran 172,000 penempatan pekerjaan tahun 2017. Kejayaan ini didukung oleh usaha cemerlang dalam penganjuran karnival pekerjaan terutamanya *Job Fair @UTC* tahun 2018 yang dilaksanakan secara serentak di 13 buah Pusat JobsMalaysia di UTC seluruh Malaysia pada 3 Mac 2018 *(Job Fair @UTC 4.0)* dan 6 Oktober 2018 *(Job Fair @UTC 5.0)*. Program ini melibatkan 857 majikan yang menawarkan hampir 67,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai bidang. Selain itu juga, sebanyak 99 karnival kerjaya telah dianjurkan dan sebanyak 1,338 temuduga terbuka dijalankan sepanjang tahun 2018.

Prestasi yang membanggakan Jabatan ini semestinya merupakan hasil kerjasama dan titik peluh setiap warga JTKSM. Hasrat saya semoga rangkuman kejayaan dan pencapaian Jabatan yang dipaparkan dalam Laporan Tahunan ini akan menyuntik semangat dan komitmen yang lebih tinggi dalam jiwa dan diri kita semua untuk memperkasa dan memperkukuh peranan Jabatan ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Sekian terima kasih.

**Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim**
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



# Pengurusan Tertinggi



**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
(Jusa B)

**PUAN PAEZA BINTI ROSDI**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan Dan Pembangunan)
(Jusa C)

**DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM**
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(Jusa A)

# Pengarah Bahagian



**ENCIK SAFIAN BIN HAMZAH**
Pengarah Bahagian Perundangan Dan Penguatkuasaan
PPP S54



**ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL**
Pengarah Bahagian Standard Perburuhan
PPP S54



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
Pengarah Bahagian Pekerja Asing
PPP S52



**ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI**
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
PPP S52



**PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN**
**Pengarah Bahagian Khidmat** Pengurusan
PTD M52



**ENCIK AMINUDDIN BIN AB RAHAMAN**
Pengarah Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
PPP S54

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# Penguatkuasaan

i. Pemeriksaan Berkanun
ii. Pemeriksaan Ladang
iii. Gaji Minimum
iv. Operasi Pasukan Khas Penguatkuasaan
v. Permit Perburuhan
vi. Pengendalian Siasatan Aduan
vii. Kertas Siasatan
viii. Pendakwaan
ix. Kompaun
x. Kes Buruh
xi. Pengurusan Pekerja Asing

# Pemeriksaan Berkanun

Pemeriksaan Berkanun adalah aktiviti penguatkuasaan proaktif bertujuan untuk memastikan pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan serta jaminan perlindungan hak dan kebajikan pekerja. Pemeriksaan dijalankan melalui dua pendekatan iaitu:

- Pemeriksaan mengejut dijalankan tanpa notis; dan
- Pemeriksaan secara berkala yang dimaklumkan melalui notis pemberitahuan terlebih dahulu.

## Tujuan Pemeriksaan Berkanun

Meningkatkan tindakan pencegahan (*preventive action*) dan pembetulan (*corrective action*) dalam kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan;

Memberikan maklumat dan bimbingan kepada majikan dan pekerja berkaitan keperluan mematuhi undang-undang; dan

Memenuhi piawaian *Labour Inspection Convention 1947 (No.81) International Labour Organisation* yang telah menetapkan supaya agensi yang diberi kuasa menjalankan pemeriksaan ke tempat pekerjaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang perburuhan negara. Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen No. 81 pada 1 Julai 1963.

# Bilangan Pemeriksaan Mengikut Negeri Tahun 2018




| Bilangan Pemeriksaan | Bilangan Pekerja Terlibat | Bilangan Notis Pematuhan |
|---|---|---|
| **33,767** | **887,995** | **6,178** |

**Jadual 1 : Bilangan Pemeriksaan Mengikut Sektor Tahun 2018**

| Kod *MSIC | Sektor | Jumlah |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 2,373 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 115 |
| C | Pembuatan | 5,873 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 69 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 81 |
| F | Pembinaan | 1,284 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 10,606 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 563 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 4,422 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 279 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful | 622 |
| L | Aktiviti Hartanah | 109 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 645 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 1,380 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 1,814 |
| P | Pendidikan | 292 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 587 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 135 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 2,493 |
| T | Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barangan & Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri | 17 |
| U | Aktiviti Badan & Pertubuhan Luar Wilayah | 3 |
| | Tidak Diklasifikasikan | 5 |
| | **Jumlah** | **33,767** |

*Nota: MSIC - *Malaysian Standard Industrial Classification*
Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

# Pemeriksaan Ladang

Pemeriksaan ladang dilaksanakan untuk mengesan dan mengenal pasti masalah-masalah dalam menyediakan perumahan dan kemudahan asas kepada pekerja selari dengan standard yang dikuatkuasakan mengikut Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Aktiviti ini merupakan salah satu langkah penguatkuasaan yang berkesan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit melalui perbincangan dengan pegawai-pegawai JTKSM. Pemeriksaan ini juga meliputi semakan kelulusan pelan dan pembinaan perumahan dan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.

## Objektif



Memperbaiki taraf kehidupan yang serba kekurangan di kalangan penduduk ladang dan keadaan ini secara tidak langsung dapat menarik rakyat tempatan untuk bekerja di sektor perladangan.



Membendung penghijrahan pekerja tempatan yang bekerja di ladang ke kawasan-kawasan bandar.



Mengurangkan kebergantungan pekerja asing di sektor perladangan.



Memenuhi standard perumahan dan kemudahan asas pekerja ke arah infrastruktur yang lebih baik.



## Bilangan Pemeriksaan Ladang Mengikut Negeri Tahun 2018




## Gaji Minimum

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016 di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016. Gaji Minimum yang ditetapkan adalah sebanyak RM1,000.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920.00 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**Jadual 2 : Kadar Perintah Gaji Minimum 2016**

| Kawasan Wilayah | Kadar Gaji Minimum | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Bulanan | Harian | | Setiap jam |
| | | Bilangan hari bekerja dalam seminggu | | |
| Semenanjung Malaysia | RM1,000 | 6 | RM38.46 | RM4.81 |
| | | 5 | RM46.15 | |
| | | 4 | RM57.69 | |
| Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan | RM920.00 | 6 | RM35.38 | RM4.42 |
| | | 5 | RM42.46 | |
| | | 4 | RM53.08 | |

Sumber :JTKSM

## Pemeriksaan Gaji Minimum Tahun 2018

Pada tahun 2018 sebanyak 33,767 pemeriksaan berkanun telah dijalankan terhadap majikan bagi memastikan majikan mematuhi Perintah Gaji Minimum 2016. Sebanyak 120 majikan telah dikeluarkan notis pematuhan atas ketidakpatuhan terhadap perintah gaji minimum. Jumlah tersebut merupakan 0.35% daripada keseluruhan pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut.

| Bilangan Pemeriksaan Gaji Minimum | Bilangan Majikan Yang Gagal Patuhi Gaji Minimum |
|---|---|
| **33,767** | **120** (0.35%) |

**Jadual 3 : Pemeriksaan Gaji Minimum Mengikut Sektor Tahun 2018**

| Kod *MSIC | Sektor | Jumlah |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 2,373 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 115 |
| C | Pembuatan | 5,873 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 69 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 81 |
| F | Pembinaan | 1,284 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 10,606 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 563 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 4,422 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 279 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful | 622 |
| L | Aktiviti Hartanah | 109 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 645 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 1,380 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 1,814 |
| P | Pendidikan | 292 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 587 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 135 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 2,493 |
| T | Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barangan & Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri | 17 |
| U | Aktiviti Badan & Pertubuhan Luar Wilayah | 3 |
| | Tidak Diklasifikasikan | 5 |
| | **Jumlah** | **33,767** |

*Nota: MSIC – *Malaysian Standard Industrial Classification*
Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Pengendalian Aduan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2018




Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

**Jadual 4 : Pengendalian Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan Kes difailkan | Amaun Tuntutan (RM) | Bilangan Kes Selesai | Jumlah Perintah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 25 | 114,159.31 | 25 | 2,764.29 |
| Kedah | 79 | 396,355.74 | 79 | 205,927.78 |
| Kelantan | 82 | 545,941.59 | 82 | 79,150.00 |
| Melaka | 23 | 334,908.85 | 23 | 38,477.64 |
| Negeri Sembilan | 15 | 60,873.68 | 15 | 45,157.78 |
| Pahang | 53 | 402,915.73 | 53 | 113,677.62 |
| Pulau Pinang | 30 | 273,130.17 | 30 | 26,479.00 |
| Perak | 69 | 325,455.51 | 68 | 31,497.21 |
| Perlis | 17 | 181,501.94 | 17 | 66,400.00 |
| Selangor | 16 | 21,075.52 | 16 | 4,493.14 |
| Terengganu | 66 | 641,907.46 | 66 | 295,314.54 |
| WP Kuala Lumpur | 9 | 50,066.57 | 9 | 41,706.97 |
| WP Labuan | 1 | 783.55 | - | - |
| **Jumlah** | **485** | **3,349,075.62** | **483** | **951,045.97** |

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Jadual 5 : Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Mengikut Sektor Tahun 2018

| Kod *MSIC | Sektor | Jumlah |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 1 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 1 |
| C | Pembuatan | 27 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 1 |
| E | Bekalan air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 2 |
| F | Pembinaan | 30 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan bermotor & Motosikal | 82 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 39 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 40 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 2 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful | 3 |
| L | Aktiviti Hartanah | - |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 3 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 156 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 26 |
| P | Pendidikan | 18 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja sosial | 20 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 3 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan lain | 31 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan & perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri | - |
| U | Aktiviti badan & Pertubuhan Luar Wilayah | - |
| | **Jumlah** | **485** |

*Nota: MSIC – *Malaysian Standard Industrial Classification*
Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

CARTA 1

**Status Kertas Siasatan Gaji Minimum Tahun 2018**




**NFA: No Further Action*



## Kertas Siasatan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2018




Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Jadual 6 : Kertas Siasatan Gaji Minimum Mengikut Sektor Tahun 2018

| Kod *MSIC | Sektor | Bilangan Kertas Siasatan |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 11 |
| C | Pembuatan | 6 |
| F | Pembinaan | 11 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 1 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 14 |
| I | Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 4 |
| N | Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan | 3 |
| P | Pendidikan | 46 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan lain | 2 |
| | **Jumlah** | **98** |

*Nota: MSIC – *Malaysian Standard Industrial Classification*
Sumber: JTKSM



**Jadual 7 : Pendakwaan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan Kertas Siasatan (Izin Dakwa) | Sabitan | *DNAA | Tindakan Pegawai | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 18 | 13 | - | 5 | 9,850.00 |
| Kedah | 13 | 8 | 2 | 3 | 10,500.00 |
| Kelantan | 4 | 4 | - | - | 13,800.00 |
| Melaka | 5 | 5 | - | - | 20,800.00 |
| Negeri Sembilan | 4 | - | 4 | - | - |
| Pahang | 3 | 2 | 1 | - | 3,100.00 |
| Perak | 5 | 3 | - | 2 | 3,400.00 |
| Perlis | 6 | 2 | - | 4 | 1,400.00 |
| Pulau Pinang | - | - | - | - | - |
| Selangor | 3 | 1 | - | 2 | 1,000.00 |
| Terengganu | 5 | 3 | - | 2 | 4,500.00 |
| WP Kuala Lumpur | 4 | 1 | 1 | 2 | 1,500.00 |
| WP Labuan | 1 | 1 | - | - | 1,000.00 |
| **Jumlah** | **71** | **43** | **8** | **20** | **70,850.00** |

Sumber: JTKSM
**DNAA: Discharge Not Amounting To Acquittal*

## Operasi Pasukan Khas Penguatkuasaan

JTKSM melaksanakan operasi melalui Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) bagi mana-mana aduan yang berprofil tinggi. Operasi PKP juga dilaksanakan secara bersasar terhadap sektor atau jenis pekerjaan yang dikenalpasti berpotensi mempunyai pelanggaran undang-undang yang tinggi. Terdapat 3 bentuk operasi iaitu melalui:

- Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan
- Operasi Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)
- Operasi Penguatkuasaan *One Visit-Policy*

### Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan

Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PKP dilakukan secara konsisten sepanjang tahun. Untuk tahun 2018 keanggotaan PKP adalah seramai 30 orang dan jumlah pemeriksaan yang dijalankan pada tahun ini ialah sebanyak 1,381 operasi.

## Hasil Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan Tahun 2018






Sumber: JTKSM

## Pencapaian Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan Mengikut Negeri Tahun 2018




Sumber: JTKSM

## Operasi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 bertujuan untuk membasmi isu pemerdagangan orang yang melibatkan warganegara dan bukan warganegara secara holistik. Pada tahun 2010, Akta ini telah dipinda dan dinamakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) (ATIPSOM). Penguatkuasaan Akta ini merangkumi 3 aspek iaitu pendakwaan, pencegahan dan perlindungan mangsa. Akta 670 ini telah mengubah landskap tanggungjawab JTKSM daripada pentadbir perburuhan yang menguatkuasakan undang-undang sosial kepada undang-undang jenayah.

Untuk pencapaian tahun 2018 sebanyak 5 kes aduan ATIPSOM disiasat oleh JTKSM. 2 kes diselesaikan dengan bayaran baki gaji dan kes tidak diteruskan berikutan tiada indikator buruh paksa manakala 3 kes lagi telah dibuka kertas siasatan. Bagi ketiga-tiga kertas siasatan tersebut 1 kertas siasatan masih dalam tindakan siasatan oleh pegawai penyiasat (IO), 1 kertas siasatan telah mendapat arahan tiada tindakan lanjut (NFA) oleh Timbalan Pendakwa Raya dan 1 kertas siasatan telah dipinda pendakwaan dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan kes sedang dalam perbicaraan.

**Jadual 8 : Pengendalian Kes ATIPSOM Tahun 2018**

| Bil. | Negeri | Isu | Hasil Siasatan |
|---|---|---|---|
| 1. | Selangor | Dua orang pekhidmat domestik telah dikurung dan tidak dibayar gaji selama 4 bulan | Kesalahan Seksyen 12 ATIPSOM.<br>Kertas siasatan telah dibuka dan masih dalam tindakan. |
| 2. | Kuala Lumpur | Seorang pekhidmat domestik tidak dibayar gaji dan dipegang pasport oleh majikan | Kesalahan Seksyen 12 ATIPSOM.<br>Gaji tertunggak telah dibayar oleh majikan sebanyak RM22,354.80 |
| 3. | Selangor | Dua orang pekhidmat domestik tidak dibayar gaji, bekerja *long working hour* dan tiada cuti rehat | Kesalahan Seksyen 55B Akta Imigresen<br>Majikan diambil tindakan dibawah Akta Imigresen |

Sumber: JTKSM







## Operasi Penguatkuasaan *One Visit-Policy*

Strategi Lautan Biru Kebangsaan *(National Blue Ocean Strategy)*, KSM melalui kerjasama agensi – agensi di bawahnya iaitu JTKSM, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP) telah menjalankan operasi penguatkuasaan undang-undang perburuhan secara bersepadu yang dikenali *"Ops One Visit-Policy"*. Operasi ini melibatkan 160 majikan untuk mematuhi pemakaian undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah agensi-agensi yang terlibat.

## TUGASAN JABATAN/AGENSI YANG TERLIBAT

- Menyemak rekod-rekod pekerja, gaji dan lain-lain dokumen penggajian pekerja
- Merakam percakapan saksi dan menyediakan kertas siasatan
- Memberikan khidmat nasihat perburuhan kepada majikan

HRDF MALAYSIA

- Menyemak rekod gaji dan daftar pekerja
- Membuat pendaftaran kepada majikan yang layak
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan
- Menguatkuasakan Akta PSMB 2001

PERKESO

- Menyemak rekod daftar, caruman dan gaji pekerja
- Mengeluarkan kompaun kepada majikan yang melakukan pelanggaran Akta PERKESO 1969
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan

## Hasil Operasi *One Visit-Policy* Tahun 2018






Sumber: JTKSM




PEJABAT TENAGA KERJA RAWANG
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA















# Permit Perburuhan

JTKSM boleh memutuskan untuk mengeluarkan kebenaran atau pengecualian daripada pemakaian peruntukan undang-undang buruh untuk seksyen-seksyen dan peraturan-peraturan tertentu melalui pemberian permit perburuhan setelah siasatan dilakukan. Objektif pengeluaran permit perburuhan adalah untuk membantu industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan automasi bagi meningkatkan produktiviti di samping memelihara standard-standard perburuhan melibatkan kepentingan pekerja.

Permit-permit tersebut perlu dimohon oleh majikan berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Akta yang berkenaan. Melalui pengeluaran permit yang diberikan, JTKSM dapat memantau majikan bagi memastikan hak-hak pekerja tidak terabai dan dilindungi serta menepati standard-standard minimum yang ditetapkan.

Jenis-jenis permit perburuhan adalah:

- Membayar Gaji Lewat (Seksyen 19 Akta Kerja 1955)
- Pendahuluan Gaji (Seksyen 22 Akta Kerja 1955)
- Potongan Gaji (Seksyen 24 Akta Kerja 1955)
- Pengecualian Daripada Sekatan Kerja Malam Bagi Pekerja Wanita (Seksyen 34 Akta Kerja 1955)
- Mengumpul Cuti Rehat Mingguan (Seksyen 59(1) Akta Kerja 1955)
- Kelonggaran Waktu Kerja Biasa (Seksyen 60A(1A) Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Waktu Kerja Syif (Seksyen 60C Akta Kerja 1955)
- Bekerja Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa 104 jam sebulan (Seksyen 60A(4)(a) Akta Kerja 1955)
- Kelulusan Skim Bayaran Insentif (Seksyen 60I(3) Akta Kerja 1955)
- Menyimpan Daftar Di Ibu Pejabat (Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kerja 1957, Akta Kerja 1955)
- Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain (Seksyen 61(3) Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Orang Muda (Perempuan) Berumur Kurang Daripada 18 Tahun Bekerja di Kelab (Seksyen 2(3) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966
- Kebenaran Kanak-Kanak Dan Orang Muda Mengambil Bahagian Dalam Hiburan Awam (Seksyen 7(2) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966

**Jadual 9 : Permit Perburuhan Yang Telah Dikeluarkan Pada Tahun 2018**

| Jenis | Permohonan diterima | Bilangan Selesai |
|---|---|---|
| Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 | 84 | 79 |
| Seksyen 19 Akta Kerja 1955 (Masa bayaran upah) | 44 | 43 |
| Seksyen 22 Akta Kerja 1955 (Pendahuluan Upah) | 21 | 18 |
| Seksyen 24 Akta Kerja 1955 (Potongan Upah) | 1,846 | 1,700 |
| Seksyen 34 Akta Kerja 1955 (Larangan Kerja Malam) | 283 | 263 |
| Seksyen 59(1B) Akta Kerja 1955 (Hari Rehat Hari Lain) | 13 | 5 |
| Seksyen 60A(1) Akta Kerja 1955 (Kelonggaran Waktu Kerja) | 34 | 30 |
| Seksyen 60A(4)(a) Akta Kerja 1955 (Had Kerja Lebih Masa) | 236 | 219 |
| Seksyen 60C Akta Kerja 1955 (Kerja Syif) | 5 | 3 |
| Seksyen 60I(3) Akta Kerja 1955 (Skim Insentif) | 135 | 128 |
| Seksyen 61(3) Akta Kerja 1955 (Menyimpan Daftar) | 612 | 592 |
| Permit-permit Lain | 64 | 60 |
| **JUMLAH** | **3,377** | **3,140** |

Sumber : *Labour Market Database (LMD)*

# Pengendalian Siasatan Aduan

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan cepat adalah antara matlamat yang telah digariskan dalam piagam pelanggan JTKSM. JTKSM amat komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan berkesan serta memuaskan hati pelanggan Jabatan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti stakeholders, Biro Pengaduan Awam, media massa, *non-government organizations* (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, laman sesawang, surat, telefon, e-mel atau aduan langsung di kaunter perkhidmatan.

**Jadual 10 : Bilangan Aduan Mengikut Kategori Pekerja Tahun 2018**

| Perkara | Kategori Aduan | | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | Pekerja Tempatan | Pekerja Asing | |
| Aduan Dikendali | 4,283 | 206 | **4,489** |
| Aduan Diselesaikan | 3,856 | 199 | **4,055** |

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

**Jadual 11 : Bilangan Aduan Dikendali Dan Diselesaikan Mengikut Negeri Tahun 2018**

| Negeri | Kes Kendali | Kes Selesai | |
|---|---|---|---|
| | | Bilangan | % |
| Kedah | 311 | 270 | 86.82 |
| Melaka | 359 | 340 | 94.71 |
| Pahang | 193 | 185 | 95.85 |
| Kelantan | 143 | 129 | 90.21 |
| Selangor | 1,000 | 901 | 90.10 |
| WP Kuala Lumpur | 577 | 494 | 85.62 |
| Perlis | 38 | 36 | 94.74 |
| Johor | 664 | 648 | 97.59 |
| Pulau Pinang | 309 | 271 | 87.70 |
| Perak | 430 | 354 | 82.33 |
| Negeri Sembilan | 298 | 280 | 93.96 |
| Terengganu | 131 | 119 | 90.84 |
| WP Labuan | 36 | 28 | 77.78 |
| **Jumlah** | **4,489** | **4,055** | **90.33** |

Sumber : *Labour Market Database (LMD)*

## Pengendalian Aduan Gangguan Seksual Ditempat Kerja

Siasatan aduan gangguan seksual di tempat kerja adalah selaras dengan peruntukan Bahagian XVA Akta Kerja 1955 (Akta 265) bagi memberi perlindungan kepada pekerja wanita. Perlindungan ini terpakai kepada semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan tanpa mengira jumlah upah diterima. Peruntukan ini menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

## Bilangan Aduan dan Promosi Pencegahan Gangguan Seksual Di tempat Kerja Tahun 2018



| BILANGAN ADUAN | PROMOSI KESEDARAN MENCEGAH DAN MEMBASMI GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA |
|---|---|
| 19 | 52 |

# Kertas Siasatan

Kertas Siasatan (KS) merupakan dokumen terperingkat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang disediakan oleh pegawai bertujuan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang dikesan telah gagal mematuhi peruntukan undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan oleh JTKSM. Mana-mana majikan yang dikesan telah gagal mematuhi undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan JTKSM boleh dikenakan tindakan pendakwaan atau kompaun tertakluk kepada keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Bagi tahun 2018 sebanyak 1,182 KS telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang JTKSM. Status kertas siasatan adalah seperti gambar rajah di bawah:

### Status Kertas Siasatan bagi Tahun 2018




**No Further Action*

Sumber: JTKSM

### Jadual 12 : Pecahan Kertas Siasatan Mengikut Negeri & Akta Tahun 2018

| Negeri | Pecahan Akta | | | | | | Jumlah Kertas Siasatan (KS) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Akta MPGN 2011 | Akta Kerja 1955 | Akta Pampasan Pekerja 1952 | Akta APS 1981 | Akta Kanak-Kanak & Orang Muda (Pekerjaan) 1966 | Kanun Keseksaan | |
| Johor | 27 | 225 | 50 | 2 | 6 | - | **310** |
| Kedah | 15 | 96 | 1 | - | - | - | **112** |
| Kelantan | 7 | 30 | 1 | - | - | 2 | **40** |
| Melaka | 8 | 42 | 2 | 1 | 2 | 1 | **56** |
| Negeri Sembilan | 6 | 56 | 8 | - | - | - | **70** |
| Pahang | 4 | 82 | 2 | - | - | - | **88** |
| Perak | 7 | 69 | 11 | - | - | 5 | **92** |
| Perlis | 7 | 6 | - | - | - | - | **13** |
| Pulau Pinang | - | 88 | 8 | - | - | - | **96** |
| Selangor | 5 | 154 | 2 | 3 | - | 3 | **167** |
| Terengganu | 7 | 41 | 1 | - | - | 1 | **50** |
| WP Kuala Lumpur | 4 | 81 | - | - | - | 1 | **86** |
| WP Labuan | 1 | 1 | - | - | - | - | **2** |
| **Jumlah** | **98** | **971** | **86** | **6** | **8** | **13** | **1,182** |

Sumber: JTKSM

## Pendakwaan

Aktiviti pendakwaan dilaksanakan untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan serta mengekang berlakunya kesalahan berulang di samping memelihara hak-hak pekerja.

Bagi tahun 2018 sebanyak 393 KS telah diberikan izin dakwa oleh TPR. Daripada jumlah tersebut, 118 KS adalah di bawah Akta Kerja 1955, 37 KS di bawah Akta MPGN 2011, dan 238 KS dibawah lain-lain Akta dengan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM382,647.35.

### Status Pendakwaan Tahun 2018

| Bilangan Izin Dakwa | Bilangan Sabitan | Jumlah Denda (RM) | Dalam Tindakan | *Discharge Not Amounting to Acquittal (DNAA)* |
|---|---|---|---|---|
| 393 | 209 | 382,647.35 | 159 | 25 |

### Jadual 13 : Pecahan Kes Berjaya Dakwa Mengikut Negeri & Akta Tahun 2018

| Negeri | Bilangan Kes Berjaya Dakwa | Akta | | | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | MPGN | Akta Kerja | Lain-lain Akta | |
| Johor | 94 | 11 | 12 | 71 | **43,050.00** |
| Kedah | 31 | 5 | 4 | 22 | **22,700.00** |
| Kelantan | 9 | 1 | - | - | **22,800.00** |
| Melaka | 31 | 4 | 19 | 8 | **83,900.00** |
| Negeri Sembilan | 30 | 4 | 12 | 14 | **13,400.00** |
| Pahang | 9 | 2 | 2 | 5 | **5,620.00** |
| Perak | 33 | 3 | 11 | 19 | **18,950.00** |
| Perlis | 9 | - | 2 | 7 | **5,000.00** |
| Pulau Pinang | 17 | - | 4 | 12 | **26,500.00** |
| Selangor | 53 | - | 7 | 46 | **73,600.00** |
| Terengganu | 13 | 4 | 1 | 8 | **11,627.35** |
| WP Kuala lumpur | 63 | 2 | 44 | 17 | **54,500.00** |
| WP Labuan | 1 | 1 | - | - | **1,000.00** |
| **Jumlah** | **393** | **37** | **118** | **229** | **382,647.35** |

Sumber: JTKSM

## Kompaun

Pada tahun 2018 sebanyak 318 majikan telah dikompaun dengan bilangan tawaran kompaun sebanyak 473 melibatkan jumlah denda RM709,500.00. Mana-mana majikan yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh masa yang ditetapkan akan diambil tindakan pendakwaan.

**Jadual 14 : Bilangan Kompaun Terhadap Majikan Mengikut Negeri Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan Majikan | Bilangan Kompaun | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|
| Perlis | - | - | **-** |
| Kedah | 22 | 35 | **52,500.00** |
| Pulau Pinang | 52 | 69 | **103,500.00** |
| Perak | 20 | 23 | **34,500.00** |
| WP Kuala Lumpur | 10 | 18 | **27,000.00** |
| Selangor | 29 | 56 | **84,000.00** |
| Negeri Sembilan | 2 | 4 | **6,000.00** |
| Melaka | 10 | 15 | **22,500.00** |
| Johor | 113 | 175 | **262,500.00** |
| Pahang | 41 | 49 | **73,500.00** |
| Terengganu | 13 | 19 | **28,500.00** |
| Kelantan | 7 | 9 | **13,500.00** |
| WP Labuan | 1 | 1 | **1,500.00** |
| **Jumlah** | **320** | **473** | **709,500.00** |

Sumber: JTKSM

## Kes Buruh

Kes buruh dikendalikan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955 (Akta 265). Perbicaraan kes buruh dikendalikan di Mahkamah Buruh bagi tuntutan kewangan oleh pekerja dan juga pihak majikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 265. Terdapat juga tuntutan bukan kewangan dikendalikan sebagai kes buruh di bawah Seksyen 69(3) Akta 265. Prinsip keadilan asasi yang mengandungi dua elemen iaitu: *right to a fair hearing (audi alteram partem) dan rule against bias (nemo judex in causa sua)* sangat dititikberatkan dalam pengendalian kes buruh.

# Jenis-Jenis Tuntutan Kes Buruh Di Bawah Akta Kerja 1955

## Seksyen 69

1. Kelayakan
   - Pekerja bergaji RM2,000.00 dan ke bawah
2. Jenis tuntutan
   - Baki gaji;
   - Gaji ganti notis;
   - Bayaran kerja lebih masa;
   - Faedah penamatan; dan
   - faedah-faedah lain yang dinyatakan

## Seksyen 69B

1. Kelayakan
   - Pekerja bergaji melebihi RM2,000.00 hingga RM5,000.00
2. Jenis tuntutan
   - Tuntutan berbentuk kewangan yang dinyatakan dalam terma dan syarat kontrak perkhidmatan yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak
   - Contoh tuntutan adalah elaun, komisen, elaun bersalin

## Seksyen 69C

1. Kelayakan
   - Majikan membuat tuntutan gaji ganti notis
2. Jenis tuntutan
   - Bayaran gaji ganti notis bagi notis penamatan yang tidak dipatuhi oleh pekerja

**Jadual 15 : Bilangan Kes Buruh Yang Dikendali Dan Diselesaikan Mengikut Negeri Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan Kes Kendali | Bilangan Kes Selesai | Bilangan Pekerja Terlibat | Jumlah Perintah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 1,178 | 1,037 | 1,558 | **2,178,907.00** |
| Kedah | 813 | 712 | 1,423 | **2,581,594.00** |
| Kelantan | 309 | 266 | 809 | **1,087,439.00** |
| Melaka | 695 | 629 | 855 | **1,271,333.00** |
| Negeri Sembilan | 808 | 730 | 1,064 | **1,022,013.00** |
| Pahang | 885 | 806 | 1,464 | **2,593,141.00** |
| Pulau Pinang | 993 | 821 | 1,127 | **1,013,063.00** |
| Perak | 1,369 | 1,158 | 2,132 | **2,450,022.00** |
| Perlis | 91 | 80 | 283 | **333,813.00** |
| Selangor | 4,098 | 3,585 | 4,879 | **8,541,460.00** |
| Terengganu | 433 | 401 | 799 | **1,883,065.00** |
| WP Kuala Lumpur | 1,896 | 1,568 | 1,945 | **2,881,642.00** |
| WP Labuan | 31 | 22 | 287 | **86,259.00** |
| **Jumlah** | **13,599** | **11,815** | **18,625** | **27,923,751.00** |

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

**Jadual 16 : Statistik Kes Buruh Mengikut Negeri Dan Tempoh Masa Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan Kes Kendali | Bil. Kes Diselesaikan (Hari) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bilangan Selesai | ≤ 60 hari | 60 ≥ 90 hari | ≥ 91hari |
| Johor | 1,178 | 1,037 | 798 | 221 | 18 |
| Kedah | 813 | 712 | 499 | 103 | 110 |
| Kelantan | 309 | 266 | 228 | 29 | 9 |
| Melaka | 695 | 629 | 423 | 91 | 115 |
| Negeri Sembilan | 808 | 730 | 473 | 132 | 125 |
| Pahang | 885 | 806 | 656 | 120 | 30 |
| Pulau Pinang | 993 | 821 | 559 | 130 | 132 |
| Perak | 1,369 | 1,158 | 877 | 165 | 116 |
| Perlis | 91 | 80 | 53 | 17 | 10 |
| Selangor | 4,098 | 3,585 | 2,886 | 423 | 276 |
| Terengganu | 433 | 401 | 338 | 44 | 19 |
| WP Kuala Lumpur | 1,896 | 1,568 | 980 | 310 | 278 |
| WP Labuan | 31 | 22 | 19 | 1 | 2 |
| **Jumlah** | **13,599** | **11,815** | **8,789** | **1,786** | **1,240** |

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*







# Pengurusan Pekerja Asing

## Pampasan Pekerja Asing

Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273) memberi pelindungan kepada pekerja asing yang mengalami bencana kerja dan/atau penyakit akibat pekerjaan *(occupational disease)* yang menyumbang kepada berlakunya insiden Hilang Upaya Sementara (HUS), Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Maut. Pemakaian akta ini memberikan perlindungan kepada pekerja asing yang digajikan secara sah.

Peranan JTKSM bagi tuntutan pampasan pekerja asing terbencana adalah seperti berikut:

1. Menguatkuasakan Akta Pampasan Pekerja 1952 kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing.
2. Melaksanakan taksiran pampasan ke atas kecederaan atau kematian pekerja asing yang terlibat dengan kes kemalangan di tempat pekerjaan.
3. Melaksanakan pembayaran wang pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan atau orang tanggungan pekerja asing yang maut.

### Prosedur tuntutan pampasan pekerja

Laporan Kemalangan secara bertulis oleh majikan kepada Pejabat Tenaga Kerja Cawangan yang berkaitan dalam tempoh 10 hari dari tarikh kemalangan

→

Penyerahan Dokumen Sokongan Berkaitan Tuntutan Pampasan kepada Pejabat Tenaga Kerja Cawangan yang berkaitan:

- i) Laporan Kemalangan PP2
- ii) Laporan Perubatan Buruh 90
- iii) Sijil Cuti Sakit
- iv) Salinan Pasport & Permit Kerja
- v) Salinan Polisi Insurans
- vi) Salinan Laporan Polis (Maut Sahaja)
- vii) Laporan Bedah Siasat (Maut Sahaja)
- viii) Sijil Kematian (Maut Sahaja)
- ix) Salinan Permit Penguburan (Maut Sahaja)

→

Pejabat Tenaga Kerja Cawangan mengeluarkan surat taksiran dalam tempoh 5 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima daripada majikan

→

Surat taksiran dihantar kepada majikan dan sesalinan kepada panel penanggung insurans untuk arahan bayaran wang pampasan kepada pekerja/orang tanggungan

→

Bayaran wang pampasan daripada panel penanggung insurans kepada pekerja atau kepada Pejabat Tenaga Kerja untuk pembayaran kepada orang tanggungan bagi kes Maut

→

Selesai dan Kes Tutup

**Jadual 17 : Jenis Kecederaan, Definisi dan Amaun Pampasan**

| Bil. | Jenis Kecederaan | Definisi | Amaun Pampasan |
|---|---|---|---|
| 1. | Hilang Upaya Sementara | keupayaan seorang pekerja mencari nafkah dalam pekerjaan yang mampu dibuatnya semasa kemalangan adalah dikurangkan untuk tempoh sementara | Bayaran setengah bulanan iaitu satu pertiga dari purata pendapatan bulanan atau RM165.00 mengikut mana yang kurang |
| 2. | Hilang Upaya Kekal | seorang pekerja langsung tidak berupaya untuk menjalankan semua jenis kerja yang ia berupaya melakukan semasa kemalangan untuk selama-lamanya | Peratus Kehilangan Upaya Mencari Nafkah x Purata Pendapatan x 60/84/108 bulan atau RM23,000.00 mengikut mana yang kurang |
| 3. | Maut | seorang pekerja yang maut akibat kemalangan yang berlaku dari dan dalam masa pekerjaan pekerja berkenaan | Purata Pendapatan Sebulan x 60 bulan atau RM18,000.00 mengikut mana yang kurang dan tambahan RM7,000.00 di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) (RM18,000.00 + RM7,000.00 = RM25,000.00) |

Setiap majikan hendaklah memastikan bahawa setiap pekerja asing yang digajikan telah diinsuranskan dengan panel penanggung insurans yang telah dilantik di bawah Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA). Kegagalan majikan menginsuranskan pekerja asing merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan majikan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 26 Akta Pampasan Pekerja 1952.

Setiap majikan hendaklah melaporkan kemalangan pekerja asing melalui notis bertulis dalam tempoh 10 hari daripada tarikh berlakunya kemalangan. Kegagalan majikan melaporkan kemalangan melibatkan pekerja asing merupakan satu kesalahan dan jika disabitkan majikan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM10,000 bagi mana-mana kesalahan berikutnya di bawah Seksyen 13 Akta Pampasan Pekerja 1952. Setiap majikan hendaklah menanggung sepenuhnya kos bayaran premium insurans SPPA sebanyak RM72 setahun bagi setiap pekerja asing.

Setiap majikan hendaklah mendapatkan dan memberikan maklumat orang tanggungan pekerja asing yang terkini semasa membeli polisi insurans SPPA seperti nama, alamat lengkap di negara asal, hubungan dan nombor telefon bagi memudahkan proses pembayaran wang pampasan.

## Jadual 18 : Status Kes Pampasan Pekerja Mengikut Negeri Tahun 2018

| Bilangan Kes / Negeri | Bilangan Kes Kendali | | | Bilangan Kes Selesai | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | *HUS | *HUK | MAUT | *HUS | *HUK | MAUT |
| Johor | 946 | 337 | 168 | 946 | 337 | 168 |
| Kedah | 65 | 6 | 6 | 65 | 6 | 6 |
| Kelantan | 26 | 7 | 4 | 26 | 7 | 4 |
| Melaka | 207 | 57 | 31 | 207 | 57 | 31 |
| Negeri Sembilan | 136 | 17 | 20 | 136 | 17 | 20 |
| Pahang | 104 | 17 | 27 | 104 | 17 | 27 |
| Pulau Pinang | 246 | 36 | 24 | 246 | 36 | 24 |
| Perak | 406 | 39 | 42 | 406 | 39 | 42 |
| Perlis | 4 | - | - | 4 | - | - |
| Selangor | 541 | 129 | 153 | 541 | 129 | 153 |
| Terengganu | 18 | 7 | 4 | 18 | 7 | 4 |
| WP Kuala Lumpur | 32 | 4 | 31 | 32 | 4 | 31 |
| WP Labuan | - | 1 | - | - | 1 | - |
| **Jumlah** | **2,731** | **657** | **510** | **273** | **657** | **510** |

*HUK–Hilang Upaya Kekal
*HUS–Hilang Upaya Sementara

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Jadual 19 : Bilangan Kes Pampasan Pekerja Asing Mengikut Warganegara Tahun 2018

| Warganegara | *HUK | *HUS | MAUT | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Bangladesh | 111 | 509 | 139 | 759 |
| Kemboja | 2 | 2 | 2 | 6 |
| China | 0 | 1 | 2 | 3 |
| India | 6 | 58 | 18 | 82 |
| Indonesia | 60 | 337 | 93 | 490 |
| Myanmar | 41 | 234 | 32 | 307 |
| Nepal | 200 | 906 | 142 | 1,248 |
| Pakistan | 3 | 10 | 4 | 17 |
| Filipina | 0 | 5 | 4 | 9 |
| Sri Lanka | 0 | 9 | 1 | 10 |
| Thailand | 0 | 3 | 1 | 4 |
| Vietnam | 13 | 39 | 3 | 56 |
| **Jumlah** | **436** | **2,113** | **441** | **2,991** |

*HUK–Hilang Upaya Kekal
*HUS–Hilang Upaya Sementara

Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

**Jadual 20 : Senarai Panel Penanggung Insurans Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) Sehingga 31 Disember 2018**

| Bil. | Syarikat Insurans | Bil. | Syarikat Insurans |
|---|---|---|---|
| 1 | AIA BERHAD | 15 | MCIS ZURICH INSURANCE BERHAD |
| 2 | AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD | 16 | MPI GENERALI INSURANS BERHAD |
| 3 | ALLIANZ GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD | 17 | MSIG INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD |
| 4 | AmGENERAL INSURANCE BERHAD | 18 | PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD |
| 5 | AXA AFFIN GENERAL INSURANCE BERHAD | 19 | PROGRESSIVE INSURANCE BERHAD |
| 6 | BERJAYA SOMPO INSURANCE BERHAD | 20 | PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD |
| 7 | CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD | 21 | QBE INSURANCE (M) BERHAD |
| 8 | ETIQA INSURANCE BERHAD | 22 | RHB INSURANCE BERHAD |
| 9 | ETIQA TAKAFUL BERHAD | 23 | SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD |
| 10 | GREAT EASTERN GENERAL INSURANCE (M) BERHAD | 24 | TAKAFUL IKHLAS SDN BHD |
| 11 | HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD | 25 | THE PACIFIC INSURANCE BERHAD |
| 12 | LIBERTY INSURANCE BERHAD | 26 | TOKIO MARINE INSURANS (M) BERHAD |
| 13 | LONPAC INSURANCE BERHAD | 27 | TUNE INSURANCE MALAYSIA BERHAD |
| 14 | MAA TAKAFUL BERHAD | 28 | ZURICH INSURANCE MALAYSIA BERHAD |

## Permohonan Penggajian Pekerja Asing

Objektif membenarkan penggajian pekerja asing di Malaysia adalah bagi memenuhi kekurangan tenaga kerja dan membantu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Proses pengurusan keseluruhan penggajian pekerja asing adalah meliputi pengambilan daripada negara sumber, pembaharuan permit kerja, proses imigresen, penguatkuasaan dan penghantaran pulang pekerja asing ke negara asal. Pengurusan proses penggajian pekerja asing melibatkan 14 kementerian atau agensi kerajaan di negara ini. JTKSM merupakan salah satu agensi yang terlibat di dalam proses pengurusan penggajian pekerja asing di Malaysia.

**Jadual 21 : Statistik Permohonan Baharu Perakuan JTKSM Mengikut Sektor Tahun 2018**

| Sektor | Permohonan Baharu Pekerja Asing | | | Bilangan Pekerja Asing Terlibat | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Diterima | Diperaku | Ditolak | Diterima | Diperaku | Ditolak |
| Perkilangan | 5,186 | 1,730(33%) | 3,456 (67%) | 272,416 | 85,618 (31%) | 186,798 (69%) |
| Perkhidmatan | 2,340 | 381(16%) | 1,959 (84%) | 80,202 | 5,270 (7%) | 74,932 (93%) |
| Pertanian | 1,281 | 481 (37%) | 800 (62%) | 40,800 | 9,439 (23%) | 31,367 (77%) |
| Pembinaan | 796 | 257 (32%) | 539 (68%) | 75,149 | 20,163 (27%) | 54,986 (73%) |
| Perladangan | 547 | 147 (26%) | 400 (73%) | 80,135 | 22,497 (28%) | 57,638 (72%) |
| **Jumlah** | **10,150** | **2,996 (30%)** | **7,154 (70%)** | **548,702** | **142,987 (26%)** | **405,715 (74%)** |

Sumber: JTKSM

**Jadual 22 : Statistik Permohonan Rayuan Perakuan JTKSM Mengikut Sektor Tahun 2018**

| Sektor | Permohonan Rayuan Pekerja Asing | | | Bilangan Pekerja Asing Terlibat | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Diterima | Diperaku | Ditolak | Diterima | Diperaku | Ditolak |
| Perkilangan | 1,553 | 1,076 (69%) | 477 (31%) | 76,992 | 43,905 (57%) | 33,087 (43%) |
| Perkhidmatan | 559 | 267 (48%) | 292 (52%) | 19,062 | 3,665 (19%) | 15,397 (81%) |
| Pertanian | 276 | 172 (62%) | 104 (38%) | 8,660 | 4,575 (53%) | 4,085 (47%) |
| Pembinaan | 147 | 79 (54%) | 68 (46%) | 17,536 | 8,573 (49%) | 8,963 (51%) |
| Perladangan | 151 | 90 (60%) | 61 (40%) | 23,464 | 12,414 (53%) | 11,050 (47%) |
| **Jumlah** | **2,686** | **1,684 (63%)** | **1,002 (37%)** | **145,714** | **73,132 (50%)** | **72,582 (50%)** |

Sumber: JTKSM

Pengendalian permohonan penggajian pekerja asing oleh JTKSM dilaksanakan dengan terperinci dan menitikberatkan elemen dasar perburuhan dan penggajian negara. Setiap permohonan pekerja asing disiasat dan disemak oleh JTKSM dan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan (JPPT) untuk dipertimbangkan berdasarkan kepada kriteria berikut:

i. kesahihan permohonan daripada majikan;

ii. menepati kriteria, dasar, prosedur dan syarat penggajian pekerja asing seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Dasar, Prosedur dan Syarat-Syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia; dan

iii. pematuhan terhadap undang-undang perburuhan, pekeliling dan garis panduan yang dikuatkuasakan.

## Pertukaran Majikan

Majikan dibenarkan membuat permohonan pertukaran pekerja asing melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) sekiranya majikan asal menghadapi masalah untuk terus menggajikan mereka. JTKSM akan membuat siasatan perburuhan dan seterusnya memberikan syor ke atas permohonan tersebut. Antara sebab permohonan pertukaran majikan di buat adalah:

- Penggabungan syarikat
- Penutupan operasi
- Pertukaran struktur/pemilik syarikat
- Pertukaran nama/status syarikat

## Statistik Pemohonan Pertukaran Majikan Mengikut Negeri Tahun 2018




Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

### Jadual 23 : Statistik Pekerja Terlibat Dengan Permohonan Pertukaran Majikan Mengikut Warganegara Tahun 2018

| Negeri | Warganegara | | | | | | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *BGD | *VNM | *IDN | *IND | *MMR | *PAK | *LKA | *PHL | *NPL | *KHM | *THA | |
| Perlis | - | - | - | 1 | - | - | - | - | - | - | - | **1** |
| Kedah | 1 | - | - | 18 | - | - | - | - | - | - | - | **19** |
| P.Pinang | 5 | 9 | 8 | 18 | 28 | - | - | - | 53 | - | - | **121** |
| Perak | 5 | - | 12 | 375 | - | 7 | 3 | - | 37 | 1 | - | **440** |
| Selangor | 31 | 1 | 28 | 41 | 7 | 3 | - | - | 595 | - | - | **706** |
| WP Kuala Lumpur | 51 | - | 7 | 6 | 19 | - | 8 | 1 | 16 | - | - | **108** |
| Negeri Sembilan | - | - | - | 2 | - | - | - | - | 10 | - | - | **12** |
| Melaka | 25 | - | 32 | 25 | 1 | - | - | - | 42 | - | - | **125** |
| Johor | 25 | 3 | 327 | 31 | 10 | - | 10 | - | 224 | - | - | **630** |
| Pahang | - | - | 6 | 2 | - | - | - | - | - | 2 | - | **10** |
| Terengganu | - | - | - | - | - | - | - | - | 6 | - | - | **6** |
| Kelantan | - | - | 2 | - | - | - | - | - | 2 | - | - | **4** |
| WP Labuan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | **-** |
| **Jumlah** | **143** | **13** | **422** | **519** | **65** | **10** | **21** | **1** | **985** | **3** | **-** | **2,182** |

Petunjuk:

| | |
|---|---|
| Bangladesh | BGD |
| Vietnam | VNM |
| Indonesia | IDN |
| India | IND |
| Myanmar | MMR |
| Pakistan | PAK |
| Sri Lanka | LKA |
| Filipina | PHL |
| Nepal | NPL |
| Kambodia | KHM |
| Thailand | THA |

Sumber: JTKSM

## Penggajian Pekhidmat Domestik Asing

JTKSM turut bertanggungjawab dalam hal ehwal yang melibatkan Pekhidmat Domestik Asing (PDA) yang bekerja di negara ini khususnya dalam soal penggajian. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan PDA yang bekerja di negara ini mendapat perlindungan dan hak-hak di bawah peruntukan undang-undang perburuhan negara. Peranan JTKSM di dalam penggajian pekhidmat domestik asing adalah seperti berikut:

- Menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang telah dipersetujui di dalam kontrak pekerjaan PDA.
- Mengendalikan siasatan bagi kes-kes PDA di dalam aspek penggajian.
- Memantau pematuhan Agensi Pekerjaan Swasta yang berkaitan dengan kemasukan dan penggajian PDA.

## Permohonan Perakuan Penggajian Pekhidmat Domestik Indonesia

Permohonan perakuan bagi penggajian pekhidmat domestik Indonesia adalah merupakan aktiviti bagi mengawal pengambilan dan penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) di negara ini.

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Prosedur Kemasukan Pembantu Rumah Indonesia di Malaysia yang diadakan pada 2 November 2011 di Putrajaya telah bersetuju bahawa satu perakuan terhadap majikan yang berhasrat untuk menggajikan PDI akan dikeluarkan oleh JTKSM. Perakuan ini akan dijadikan dokumen prasyarat tambahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) terhadap PDI yang akan bekerja di negara ini.

Memorandum Persefahaman (MoU) Kerajaan Malaysia – Indonesia berhubung pengambilan PDI telah tamat pada 29 Mei 2016. Namun begitu, semangat MoU berhubung pengambilan dan penempatan PDI masih dikekalkan sebagaimana yang dipersetujui pada tahun 2011. Ini bertujuan untuk memastikan PDI mendapat perlindungan yang sewajarnya di bawah undang-undang serta tidak dieksploitasi sehingga menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

### Statistik Permohonan Surat Perakuan PDA oleh Agensi Pekerjaan Swasta Tahun 2018

| Disyorkan | Tidak Disyorkan | Jumlah |
|---|---|---|
| 11,053 | 41 | 11,094 |

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# Pengoptimuman Perkhidmatan Pekerjaan Negara

i. Pendaftaran pencari kerja
ii. Kekosongan jawatan
iii. Penempatan pekerjaan
iv. Informasi Pekerjaan dan Latihan (IPEL)
v. Agensi Pekerjaan Swasta

## Perkhidmatan Pekerjaan

Perkhidmatan pekerjaan merupakan suatu perkhidmatan yang menjadi keperluan rakyat Malaysia tanpa mengira taraf ekonomi, pendidikan dan jurang geografi. JTKSM telah menjalankan pelbagai aktiviti di bawah perkhidmatan pekerjaan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Matlamat utama perkhidmatan ini adalah menyediakan penawaran peluang pekerjaan kepada masyarakat bagi mempertingkatkan penggunaan sumber tenaga tempatan. Ianya selari dengan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang meratifikasikan *Employment Service Convention*, 1948 (No.88) *International Labour Organisation* (ILO) pada 16 Jun 1974. Ratifikasi ini menekankan kepada perkhidmatan pekerjaan hendaklah diberi kepada masyarakat secara inklusif dan percuma.

### Pendaftaran Pencari Kerja

CARTA 1

**Pendaftaran Pencari Kerja Aktif Mengikut Status Pekerja dan Umur Tahun 2018**




Sumber: Portal JobsMalaysia

Carta 1 menunjukkan majoriti pencari kerja yang berdaftar dengan Portal JobsMalaysia adalah berumur dalam lingkungan 20 tahun sehingga 24 tahun. Hal ini kerana umur dalam lingkungan 20 tahun sehingga 24 tahun merupakan umur yang efektif dalam mencari peluang pekerjaan.

CARTA 2




Sumber: Portal JobsMalaysia & JTKSM

Pendaftaran pencari kerja dalam kalangan perempuan lebih ramai berbanding pencari kerja lelaki. Hal ini kerana lepasan graduan daripada institusi pengajian lebih ramai perempuan berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, berdasarkan carta di atas penempatan pekerjaan dalam kalangan lelaki lebih ramai berbanding wanita.

CARTA 3




Sumber: Portal JobsMalaysia & JTKSM

Pendaftaran pencari kerja di dalam Portal JobsMalaysia menunjukkan golongan siswazah lebih ramai berdaftar daripada golongan bukan siswazah. Walau bagaimanapun, penempatan pekerjaan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2018 menunjukkan golongan bukan siswazah lebih ramai ditempatkan di dalam pasaran buruh. Hal ini kerana penawaran peluang pekerjaan oleh pihak majikan lebih cenderung kepada kumpulan pekerjaan kategori 7 (pekerja perhutanan dan yang berkaitan), kategori 8 (operator dan pemasangan loji dan besi) dan kategori 9 (pekerja asas) Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO).

## Jumlah Kekosongan Aktif, Pendaftaran Pencari Kerja Aktif Dan Penempatan Mengikut Tahap Pendidikan

| | Kekosongan Aktif | Pendaftaran Pencari Kerja Aktif | Penempatan |
|---|---|---|---|
| Jumlah | 93,171 | 116,422 | 168,677 |
| Siswazah | 3,365 | 88,636 | 47,073 |
| Bukan Siswazah | 89,807 | 27,786 | 121,604 |

Sumber: Portal JobsMalaysia & JTKSM

**Jadual 24 : Pendaftaran Kekosongan Jawatan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) Melalui Portal JobsMalaysia**

| Tahap | Kumpulan | Bilangan |
|---|---|---|
| Tinggi | Pengurusan | 302 |
| | Profesional | 1,352 |
| | Juruteknik | 1,710 |
| Sederhana | Perkeranian | 503 |
| | Perkhidmatan & Jualan | 2,235 |
| | Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 87 |
| | Pekerja Pertukangan & Berkaitan | 2,235 |
| Rendah | Operator Loji, Mesin & Pemasangan | 11,947 |
| | Pekerja Asas | 72,581 |

Sumber: Portal JobsMalaysia

## Penempatan Pekerjaan

### Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO)




Sumber: *Labour Market Database (LMD), JTKSM*

## Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pertanian, Pehutanan dan Perikanan<br>5,064 (3%) | Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara<br>617 (0%) | Perdagangan Borong dan Runcit<br>Pembaiki Kenderaan Bermotor<br>29,059 (17%) | Maklumat dan Komunikasi<br>1,809 (1%) | Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal<br>2,234 (1%) | Pendidikan<br>1,922 (1%) | Aktiviti Pekhidmatan Lain<br>14,508 (9%) |
| Perlombongan dan Pengkuarian<br>436 (0%) | Bekalan Air, Pembentungan<br>1,444 (1%) | Pengangkutan dan Penyimpanan<br>2,903 (2%) | Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful<br>4,368 (3%) | Aktiviti Pentadbiran Khidmat Sokongan<br>4,288 (3%) | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial<br>1,839(1%) | Aktiviti isi Rumah Sebagai Majikan<br>97 (0%) |
| Pembuatan<br>73,920 (44%) | Pembinaan<br>4,137 (2%) | Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman<br>16,314 (10%) | Aktiviti Hartanah<br>246 (0%) | Pentadbiran Awam dan Pertahanan<br>2,739 (2%) | Kesenian, Hiburan dan Rekreasi<br>812 (0%) | Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah<br>10 (0%) |

## Penempatan Pekerjaan Mengikut Negeri Semenanjung Malaysia Tahun 2018




Sumber: JTKSM

**Jadual 25 : Penempatan Pekerjaan Mengikut Aktiviti Tahun 2018**

| Bil. | Negeri | Penempatan | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | Penempatan Melalui Portal JobsMalaysia | 14,648 | 8.7 |
| 2 | Karnival Kerjaya | 25,098 | 14.9 |
| 3 | Pembangunan Pasaran Buruh *(Client Account)* | 73,018 | 43.3 |
| 4 | Temuduga Terbuka | 29,348 | 17.4 |
| 5 | Program Kerjasama Antara Agensi | 4,918 | 2.9 |
| 6 | *Holiday Placement For Student* (HOPS) | 5,701 | 3.4 |
| 7 | Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) | 5,043 | 3.0 |
| 8 | Kembara Kerjaya | 2,725 | 1.6 |
| 9 | Penempatan Dengan Kerjasama APS | 6,949 | 4.1 |
| 10 | Penempatan Golongan Khas | 1,229 | 0.7 |
| | **Jumlah** | **168,677** | **100** |

Sumber: JTKSM

## Informasi Pekerjaan Dan Latihan (IPEL)

IPEL merupakan satu program kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberikan pendedahan awal kepada para pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah mengenai maklumat kerjaya. Program ini juga dapat mengesan kecenderungan pelajar terhadap sesuatu bidang kerjaya dan diberi pendedahan sewajarnya.

Antara pengisian program IPEL termasuk:

- Sesi pengenalan pekerjaan, ikon pekerjaan dan lawatan kerjaya;
- Pameran kerjaya, hari kerjaya, seminar kerjaya dan ceramah kerjaya;
- Lawatan sambil belajar ke tempat kerja di mana pelajar-pelajar berpeluang melihat dan berinteraksi dengan para pekerja dalam sesuatu pekerjaan; dan
- Membantu memperkasakan guru kaunseling dalam mempraktikkan ilmu berkaitan bimbingan kerjaya yang diperoleh dalam menjalankan fungsi sebagai guru kaunseling sekolah.

Program ini juga secara tidak langsung dapat membantu pembentukan sikap dan sahsiah yang positif daripada peringkat awal mengenai pemilihan kerjaya mengikut kecenderungan seseorang pekerja. Ia juga dapat membantu memberi pengalaman dan hala tuju kerjaya seseorang pelajar pada masa hadapan mengikut kebolehan.

**Jadual 26 : Senarai Program IPEL mengikut Negeri Tahun 2018**

| Bil. | Negeri | Bilangan Sekolah Terlibat | Bilangan Pelajar |
|---|---|---|---|
| 1. | Perlis | 4 | 130 |
| 2. | Kedah | 6 | 199 |
| 3. | Pulau Pinang | 6 | 59 |
| 4. | Perak | 3 | 734 |
| 5. | Selangor | 1 | 32 |
| 6. | Melaka | 12 | 162 |
| 7. | Johor | 9 | 400 |
| 8. | Kelantan | 9 | 300 |
| 9. | Pahang | 15 | 45 |
| 10. | WP Labuan | 1 | 290 |
| 11. | WP Kuala Lumpur | 4 | 200 |
| | **Jumlah** | **70** | **2,551** |

Sumber: JTKSM

## Agensi Pekerjaan Swasta

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah dipinda bagi memperkemaskan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawal seliaan agensi pekerjaan swasta (APS). Pada 14 Ogos 2017 Rang Undang-Undang (RUU) Agensi Pekerjaan Swasta Pindaan 2017 telah diluluskan di Parlimen. Akta ini telah mula dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018.

Akta ini telah mewujudkan tiga jenis kategori lesen yang mengklasifikasikan APS berdasarkan aktiviti yang dilakukan bagi memperjelas aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh APS. Hasil dari pindaan Akta ini melibatkan banyak perubahan besar terhadap proses kerja serta dokumen-dokumen bagi permohonan lesen APS.

**Jadual 27 : Kategori Lesen APS Mengikut Pindaan Akta**

| KATEGORI LESEN | Modal Berbayar (RM) | Wang Jaminan (WJ) (RM) | WJ untuk tubuh cawangan baru (RM) |
|---|---|---|---|
| **LESEN A**<br>Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam negara | 50,000.00 | 5,000.00 | 5,000.00 |
| **LESEN B**<br>Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan pekhidmat domestik asing dalam negara | 100,000.00 | 100,000.00 | 30,000.00 |
| **LESEN C**<br>Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar Negara dan bukan warganegara dalam negara | 250,000.00 | 250,000.00 | 100,000.00 |

Sumber: JTKSM

Wang jaminan bertujuan untuk diguna pakai bagi membantu pekerja dan majikan yang diperdaya oleh APS. Pindaan Akta ini juga telah memanjangkan tempoh lesen daripada satu tahun kepada dua tahun.

Dokumen pengenalan diri kepada pekerja APS telah dilaksanakan setelah pindaan Akta ini bagi membolehkan APS menjalankan aktiviti merekrut pekerja serta ia dapat mencegah eksploitasi dan penipuan.

Tujuan pelesenan ini untuk mengawal selia penempatan pekerja bukan warganegara. Ejen yang tidak berlesen di bawah Akta ini tidak dibenarkan menjalankan aktiviti menempatkan pekerja bukan warganegara kepada mana-mana majikan. Peruntukan ini diharap dapat mengatasi lambakan pekerja asing tanpa permit yang sah, dan mengelakkan eksploitasi serta mencegah aktiviti pemerdagangan orang.

Akta ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan kompaun atau mengambil tindakan pendakwaan kepada APS yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 32 (2).

Meningkatkan jumlah penalti maksimum daripada RM 5,000 kepada RM 250,000 bagi kesalahan atau pelanggaran peruntukan yang disabitkan di bawah akta ini yang bertujuan untuk melindungi pencari kerja dan majikan.

**Jadual 28 : Permohonan lesen baharu / buka cawangan di bawah Akta Agensi Pekerjaaan Swasta 1981 (Pindaan) 2017 Bagi Tahun 2018**

| Tahun | Kendali | Selesai |
|---|---|---|
| 2018 | 562 | 512 |

Sumber: JTKSM

**Jadual 29 : Bilangan Pengeluaran Lesen APS Mengikut Negeri dan Kategori Lesen Tahun 2018**

| Bil | Negeri | Kategori (Induk) | | | Jumlah | Kategori Cawangan | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | A | B | C | | A | B | C | |
| 1 | Selangor | 25 | 86 | 44 | 155 | - | - | 1 | **1** |
| 2 | Johor | 5 | 29 | 21 | 55 | 1 | 3 | 3 | **7** |
| 3 | WP Kuala Lumpur | 24 | 50 | 43 | 117 | - | - | 1 | **1** |
| 4 | Pulau Pinang | 4 | 16 | 17 | 37 | 2 | 2 | 2 | **6** |
| 5 | Perak | - | 7 | 8 | 15 | - | - | - | **-** |
| 6 | Melaka | 1 | 4 | 6 | 11 | - | 1 | 2 | **3** |
| 7 | Kedah | 1 | 3 | 4 | 8 | - | 1 | - | **1** |
| 8 | Terengganu | - | 1 | - | 1 | - | - | - | **-** |
| 9 | Negeri Sembilan | - | 4 | 4 | 8 | - | - | 2 | **2** |
| 10 | Pahang | - | 3 | 2 | 5 | - | - | - | **-** |
| 11 | Kelantan | - | 1 | - | 1 | - | - | - | **-** |
| 12 | WP Labuan | - | - | - | - | - | - | - | **-** |
| | **JUMLAH** | **60** | **192** | **141** | **413** | **3** | **7** | **11** | **21** |

Sumber : JTKSM

# Pelaksanaan Akta APS 1981 (Pindaan 2017)

## Syarat Pemberian Lesen Di Bawah Seksyen 9

**1**

**BADAN KORPORAT DIPERBADANKAN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016**

**[(SEK 9(1)(A)]**

Modal berbayar minimum sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua

Sekurang-kurangnya 51% syer dipegang warganegara Malaysia

**2**

**PENGARAH SYARIKAT**

**[(SEK 9(1)(B)]**

Warganegara Malaysia

Bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan

Tidak disabitkan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung ATIPSOM

**3**

**PREMIS**

**[(SEK 9(1)(C)]**

Premis yang sesuai sebagaimana ditetapkan di dalam Garis Panduan Perlesenan dan Arahan Ketua Pengarah Bil 2/2016

**4**

**PENGGUNAAN NAMA 'AGENSI PEKERJAAN'**

**[(SEK 9(1)(D)]**

APS hendaklah menggunakan nama yang didahului dengan perkataan 'Agensi Pekerjaan'

# Penalti

| Jenis-jenis perlanggaran | PENALTI (RM) | PENJARA |
|---|---|---|
| Beroperasi tanpa lesen sah (Sek. 7) | 200,000 | <3 tahun |
| Menyewa/ memajak lesen kepada orang lain (Sek. 13C) | 100,000 | <2 tahun |
| Memperdaya pencari kerja, majikan atau pekerja bukan warganegara dengan memberikan maklumat palsu | 50,000 | <1 tahun |
| Melanggar peruntukan Akta, perundangan subsidi yang dibuat di bawah Akta ini | 50,000 | <1 tahun |
| Pelanggaran mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta 246 (Sek. 27 (2)(b)) | 250,000 | – |

# Promosi

i. *Mobile Labour Care* (MOLAC)

ii. Pendidikan Perburuhan

iii. Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)

iv. Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)

v. Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja

## *Mobile Labour Care* (MOLAC)

*Mobile Labour Care* (MOLAC) merupakan perkhidmatan kaunter bergerak yang disediakan oleh JTKSM dalam usaha untuk memperluaskan perkhidmatan kepada pelanggan.

Melalui MOLAC, pelanggan Jabatan dapat menikmati beberapa perkhidmatan yang ditawarkan di lokasi-lokasi yang berbeza tanpa perlu hadir dan berurusan di Pejabat Tenaga Kerja.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah:

i. Khidmat nasihat berkaitan isu semasa dan undang-undang perburuhan;

ii. Menerima aduan pelanggan berkaitan pelanggaran undang-undang perburuhan di tempat kerja;

iii. Mempromosi aktiviti-aktiviti Jabatan serta dasar dan polisi di bawah Jabatan dan Kementerian; dan

iv. Pendaftaran tempat pekerjaan baru.

**Jadual 30 : Bilangan dan Jumlah Pelanggan MOLAC Tahun 2018**

| Negeri | Bilangan MOLAC | Jumlah Pelanggan |
|---|---|---|
| Johor | 105 | 609 |
| Kedah | 11 | 78 |
| Kelantan | 7 | 99 |
| Melaka | 10 | 36 |
| Negeri Sembilan | 9 | 50 |
| Pahang | 20 | 99 |
| Pulau Pinang | 10 | 314 |
| Perak | 13 | 112 |
| Perlis | 4 | 9 |
| Selangor | 12 | 85 |
| Terengganu | 20 | 189 |
| WP Kuala Lumpur | 19 | 139 |
| WP Labuan | 4 | 12 |
| **Jumlah** | **244** | **1,831** |

Sumber: JTKSM

# Pendidikan Perburuhan

## Dialog Industri

JTKSM berperanan selaku pengantara dalam membincang serta menyelesaikan isu-isu perburuhan dan penggajian. Dialog industri merupakan satu platform dialog sosial yang berperanan membina hubungan harmoni antara majikan dan pekerja bagi mengekalkan kestabilan hubungan industri. Pada tahun 2018, sebanyak 41 dialog industri telah dilaksanakan Jabatan di Seluruh Semenanjung Malaysia.

Objektif:

- Memberi penekanan tentang aspek pelanggaran undang-undang buruh
- Menyampaikan dasar-dasar dan maklumat baru serta terkini berkaitan isu perburuhan negara
- Mempromosikan amalan-amalan terbaik perburuhan dan memberi galakan untuk melaksanakannya
- Mendapatkan maklum balas secara langsung berhubung pertikaian dan perundangan perburuhan untuk penambahbaikan dan perancangan masa hadapan

### Pencapaian Dialog Industri 2018




Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Khidmat Nasihat Perburuhan

JTKSM berperanan memberi khidmat nasihat perburuhan secara percuma kepada para pelanggan jabatan yang terdiri daripada majikan, pekerja, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan orang awam yang ingin mengetahui tentang undang-undang dan isu-isu semasa perburuhan negara ini.

# Bilangan **Khidmat Nasihat (2018)**




Sumber: *Labour Market Database (LMD)*

## Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)

SBGP-OKU adalah satu usaha Kerajaan untuk menggalakkan golongan orang kurang upaya untuk terlibat di dalam bidang perniagaan.

Objektif utama SBGP-OKU adalah:

i. Membantu usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berpotensi mengembangkan perniagaan melalui bantuan yang diterima; dan

ii. Meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan melalui pengembangan perniagaan OKU.

Skim SBGP-OKU mula dilaksanakan pada tahun 2007 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, dan ia telah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Seterusnya, pihak kerajaan telah meneruskan projek ini di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dengan peruntukan dana sebanyak RM10 juta.

Di bawah skim ini pemohon layak memohon bantuan bagi mengembangkan perniagaan sehingga RM100,000.00. Bantuan yang diberi adalah bagi tujuan pembelian peralatan, pengubahsuaian premis perniagaan dan promosi perniagaan.

## Jadual 31 : Kelulusan Permohonan SBGP-OKU Mengikut Negeri Tahun 2018

| Negeri | Bilangan | Peruntukan (RM) |
|---|---|---|
| Johor | 5 | 185,221.00 |
| Kedah | 8 | 246,590.90 |
| Kelantan | 4 | 103,760.00 |
| Melaka | 3 | 41,025.50 |
| Negeri Sembilan | 1 | 97,912.40 |
| Pahang | 15 | 389,094.80 |
| Pulau Pinang | 6 | 181,786.50 |
| Perak | 6 | 269,697.61 |
| Perlis | 5 | 179,624.29 |
| Selangor | 1 | 23,772.20 |
| Terengganu | - | - |
| WP Kuala Lumpur | 1 | 28,712.00 |
| WP Labuan | - | - |
| Sarawak | 4 | 155,548.00 |
| Sabah | - | - |
| **Jumlah** | **59** | **1,902,745.20** |

Sumber : JTKSM

## Jadual 32 : Kelulusan SBGP-OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan Tahun 2018

| Jenis Ketidakupayaan | Bilangan |
|---|---|
| Fizikal | 39 |
| Penglihatan | 9 |
| Pendengaran | 4 |
| Pembelajaran | 4 |
| Pertuturan | - |
| Mental | 2 |
| Pelbagai | 1 |
| **Jumlah** | **59** |

Sumber : JTKSM

## Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan telah memperuntukkan dana pusingan (*revolving fund*) sebanyak RM50 juta untuk memberi pembiayaan perumahan bagi pekerja-pekerja estet yang layak. SKRE ini telah dipertanggungjawabkan kepada JTKSM dan dilaksanakan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN) yang dilantik sebagai badan khas yang menguruskan pembiayaan.

### Tawaran Pakej Pembiayaan SKRE

- Menawarkan pakej pembiayaan/ pinjaman perumahan secara konvensional
- 2% — Kadar faedah yang tetap 2% setahun atas baki berkurangan pada keseluruhan tempoh pinjaman/ pembiayaan
- Tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun
- Pinjaman menjangkau generasi kedua

### Pencapaian Tahun 2018

**21**
Permohonan diluluskan

Jumlah Pembiayaan
**RM 2,257,753.00**

## Jadual 33: Pencapaian SKRE Mengikut Negeri Tahun 2012 hingga 2018

| Negeri | Lulus | Gagal | Batal | Jumlah Pembiayaan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 93 | 57 | 9 | 4,422,023.00 |
| Kedah | 2 | 1 | 8 | 121,800.00 |
| Kelantan | 3 | - | - | 267,700.00 |
| Negeri Sembilan | 21 | 44 | 11 | 780,480.00 |
| Pahang | 89 | 24 | 56 | 8,009,966.00 |
| Perak | 6 | 2 | 2 | 300,000.00 |
| Selangor | 4 | 4 | - | 522,550.00 |
| Terengganu | 3 | 9 | - | 208,584.00 |
| **Jumlah** | **221** | **141** | **86** | **14,633,103.00** |

Sumber : JTKSM

# Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja



GARIS PANDUAN
Menunaikan Solat
Dalam Waktu Kerja

GUIDELINES ON
PERFORMING SOLAT
DURING WORKING HOURS

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA,
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Department Of Labour Peninsular Malaysia,
Ministry Of Human Resources

GARIS PANDUAN MENUNAIKAN SOLAT DALAM WAKTU KERJA

Salah satu prinsip dalam Rukun Negara adalah Kepercayaan kepada Tuhan. Prinsip ini melambangkan pegangan agama rakyat Malaysia terutamanya kepada kira-kira 14.85 juta tenaga kerja di Malaysia sama ada tempatan mahupun asing yang majoritinya adalah beragama Islam. Tuntutan agama Islam mewajibkan penganutnya menunaikan ibadat solat sebanyak lima kali sehari, manakala setiap hari Jumaat pekerja lelaki wajib menunaikan solat Jumaat di masjid pada waktu Zohor. Selaras dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan, pekerja-pekerja muslim hendaklah dibenarkan menunaikan solat. Sehubungan itu, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam mendokong *Worklife Balance* dan *Decent Work Agenda* kepada semua pekerja, mengambil inisiatif mewujudkan Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja sebagai panduan kepada para majikan dalam memudahkan pelaksanaan obligasi kepada seseorang pekerja muslim dan pekerja menunaikan solat dalam waktu kerja.

KESALAHAN TIDAK MENUNAIKAN SOLAT DI BAWAH AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH WILAYAH/NEGERI

Akta dan Enakmen-enakmen Jenayah Syariah Wilayah/ Negeri menyatakan kesalahan tidak menunaikan solat Jumaat sebagai suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman denda atau penjara.

OBJEKTIF GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SOLAT DALAM WAKTU KERJA

Jabatan Tenaga Kerja ada menerima aduan daripada pekerja yang beragama Islam dan persoalan daripada pihak majikan berkaitan pelaksanaan solat dalam waktu kerja termasuklah kebenaran menunaikan solat dalam waktu kerja, tempoh waktu menunaikan solat dan tempat yang khusus serta bersih untuk menunaikan solat. Kekurangan maklumat yang tepat telah menimbulkan salah faham antara majikan dan pekerja seterusnya menjejaskan suasana harmoni.

Objektif Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan penerangan kepada majikan dan pekerja bersabit kebenaran kepada pekerja untuk menunaikan solat dalam waktu kerja dan pada masa yang sama mematuhi peruntukan berkaitan waktu bekerja sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955.

WAKTU KERJA DI BAWAH SEKSYEN 60A (1) AKTA KERJA 1955

Seseorang pekerja tidak boleh bekerja:

- Lebih daripada 5 jam berturut-turut tanpa diberikan rehat sekurang-kurangnya 30 minit :
- Lebih daripada 8 jam dalam satu hari ;
- Melebihi tempoh masa 10 jam dalam satu hari *(spread over period of 10 hours) ; dan*
- Lebih daripada 48 jam dalam satu minggu

KEBENARAN MENUNAIKAN SOLAT DALAM WAKTU KERJA

Bagi melaksanakan langkah-langkah di bawah Garis Panduan ini pihak majikan hendaklah memberi pelepasan kepada pekerja yang beragama Islam untuk menunaikan solat bagi masa:

- sekurang-kurangnya 20 minit bagi waktu solat; dan
- sekurang-kurangnya 1 jam 30 minit bagi solat Jumaat.

Pelaksanaan kewajipan seseorang pekerja beragama Islam untuk menunaikan solat dalam waktu bekerja boleh diselaraskan oleh majikan mengikut kesesuaian waktu rehat

JADUAL TEMPOH UNTUK MENUNAIKAN SOLAT

Berikut adalah tempoh waktu solat yang diwajibkan terhadap seseorang yang beragama Islam :

| *SOLAT* | TEMPOH WAKTU *SOLAT* |
|---|---|
| Subuh | antara jam *5.40 pagi- 6.40 pagi |
| Zohor | antara jam *1.30 petang - 4.00 petang |
| Solat Jumaat (pada hari jumaat sahaja untuk menggantikan solat Zohor di Masjid dan wajib bagi setiap lelaki beragama Islam) | *antara jam 12.45 tengahari -2.15 petang |
| Asar | antara jam *4.15 petang - 7.00 malam |
| Maghrib | antara jam *7.15 malam - 8.30 malam |
| Isyak | antara jam *8.30 malam - 5.30 pagi |

**Masa untuk menunaikan solat bermula apabila masuk waktu solat, mengikut penetapan yang dikeluaran oleh Jabatan-Jabatan Mufti Negeri dari semasa ke semasa.*

Menunaikan solat di awal waktu dan secara berjemaah adalah amalan sunat berpahala dan dapat meningkatkan kesepakatan sesama pekerja, selain dapat mendisiplinkan pekerja ke arah pembentukan insan yang lebih baik.

KEMUDAHAN TEMPAT SOLAT

Selain daripada pelepasan waktu untuk menunaikan solat, majikan juga perlu menyediakan kemudahan tempat untuk menunaikan solat di tempat kerja seperti berikut:

- Ruang khas tertutup dengan saiz yang bersesuaian, bersih, selesa dan berhampiran atau di persekitaran tempat bertugas;
- Ruang untuk menunaikan solat yang berasingan bagi pekerja lelaki dan pekerja wanita ;
- Peralatan asas untuk menunaikan solat seperti sejadah / tikar / alas lantai
- Tempat mengambil wuduk yang berhampiran dengan ruang solat ; dan
- Petunjuk arah kiblat yang disahkan oleh Jabatan-jabatan Mufti Negeri

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# Pembangunan Organisasi

i. Pengurusan Kewangan
ii. Latihan
iii. Bintang & Pingat
iv. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
v. Persaraan
vi. Maklum Balas Pelanggan

## Pengurusan Kewangan

CARTA 4

**Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2018**




Sumber: JTKSM

Berdasarkan carta 4, JTKSM hanya dapat berbelanja bagi Projek Meroboh dan Membina Pejabat PTK Sungai Petani, Kedah dan Projek Membina Semula Pejabat PTK Bentong, Pahang sebanyak RM1,028,000.00. Manakala bagi Program Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU), JTKSM dapat berbelanja sepenuhnya iaitu sebanyak RM2,000,000.00. Peruntukan bagi Projek Menaik taraf Sistem JobsMalaysia adalah sebanyak RM2,582,700.00.

CARTA 5

**Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan JTKSM Tahun 2018**




Sumber: JTKSM

Merujuk carta 5 di atas, JTKSM telah diluluskan dan menerima sebanyak RM68,400,350.00. Daripada amaun tersebut, JTKSM telah berbelanja sebanyak RM64,132,740.99 (94%) bagi pengoperasian JTKSM sepanjang tahun 2018.

CARTA 6

**Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Negeri Tahun 2018**




Sumber: JTKSM

Berdasarkan Carta 6, JTK Johor telah mencatatkan perbelanjaan tertinggi sebanyak 87.90% manakala JTK Labuan mencatatkan perbelanjaan terendah iaitu sebanyak 58.98%.

## Latihan

CARTA 7

**Perbelanjaan Latihan Tahun 2018 (RM)**




Sumber: JTKSM

## Senarai Latihan JTKSM Tahun 2018

| Bil | Latihan | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Pembangunan Modal Insan Negara | Avillion Cove, Hotel Port Dickson | 15 - 17 Januari 2018 |
| 2 | Taklimat Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 | Dewan Kompo, Pusat Belia | 16 Januari 2018 |
| 3 | Bengkel *Hands-On* 1GFMAS JTKSM | Bilik ICT/ Prescott Hotel, Kajang | 25 Februari - 01 Mac 2018 |
| 4 | Kursus Penetapan Prosedur Operasi Standard Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) Dan Pengukuhan Kemahiran Pegawai Pegawai Penyiasat | The Grand Beach Resort, Port Dickson | 05 - 09 Mac 2018 |
| 5 | Bengkel *Business Process Reengineering* bagi Lesen Agensi Pekerjaan Swasta Susulan Pindaan Kepada Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 | Hotel Seri Malaysia, Genting | 16 - 18 Mac 2018 |
| 6 | Bengkel *Training Of Trainers* (TOT) Bagi Sistem e-Perolehan Baharu JTKSM | Bilik Latihan ICT | 27 - 28 Mac 2018 |
| 7 | Kursus *Train of Trainers* Kepada Pegawai JTKSM Dalam Melaksanakan Lawatan Pengesanan Dan Pendaftaran Majikan Di bawah Akta PSMB 2001 (Akta 612) | Premiere Hotel, Klang | 03 - 05 April 2018 |
| 8 | Bengkel Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan, Pengurusan Cuti serta Elaun Dan Kemudahan Dalam Perkhidmatan Awam JTKSM | INSPEN, Bangi | 09 - 11 April 2018 |
| 9 | Bengkel Sistem e-Pampasan Dan Akta Pampasan Pekerja 1952 | Hotel Bayview, Pulau Pinang | 18 - 20 April 2018 |
| 10 | Kursus Pengendalian Dan Perbicaraan Mahkamah Buruh Tahun 2018 | Aston Hotel, Nilai | 24 - 27 April 2018 |
| 11 | Bengkel Pemurnian Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan JTKSM | NIOSH, Bangi | 14 - 16 Mei 2018 |
| 12 | Bengkel Sasaran Kerja Tahunan Aktiviti Utama Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Bil. 2/2018 | LA Boss Hotel, Melaka | 25 - 27 Jun 2018 |
| 13 | Kursus Asas Pengurusan Keselamatan Kebakaran JTKSM Tahun 2018 | Jabatan Bomba dan Penyelamat, Putrajaya | 03 - 04 Julai 2018 |
| 14 | Kursus Pengukuhan Pasukan (*Team Building*) | IKWAS, Kluang | 23 - 26 Julai 2018 |
| 15 | Kursus Tatacara Pengurusan Stor Kepada Pejabat di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia | Blok D4, KSM | 16 Ogos 2018 |
| 16 | Taklimat Taksiran Pampasan Pekerja Bagi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia | Aras 5, JTKSM | 28 Ogos 2018 |

| Bil | Latihan | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 17 | Kursus Pengukuhan Kemahiran Pendakwaan bagi Pegawai-Pegawai Pendakwa Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2018 | Hotel Seri Malaysia, Melaka | 03 - 05 September 2018 |
| 18 | Kursus Asas Pemahaman Undang-Undang Perburuhan Negara Bagi Pegawai Pegawai JTKSM 2018 | Nexus Regency & Suites Hotel, Shah Alam | 30 September - 06 Oktober 2018 |
| 19 | Program Percambahan Ilmu | Aras 3, JTKSM | September - November 2018 |
| 20 | Bengkel *MyPortFolio* | Blok D3, KSM | 02 - 03 Oktober 2018 |
| 21 | Bengkel Perluasan Sistem Pengurusan Stor Kepada Pejabat-Pejabat Bawah JTKSM | Blok D3, KSM | 08 - 09 Oktober 2018 |
| 22 | Bengkel Penyediaan Kertas Siasatan Berkualiti ATIPSOM 2007. | Avillion Admiral Cove, Port Dickson | 09 - 12 Oktober 2018 |
| 23 | Bengkel *Familiarization* Portal JobsMalaysia 2.0 Bagi Keberkesanan Pemadanan & Penempatan Khususnya kepada Golongan Rentan JTKSM | Hotel Seri Malaysia, Port Dickson | 17 - 19 Oktober 2018 |
| 24 | Bengkel Penulisan Surat Kiriman, Memo dan Minit Mesyuarat Berkualiti JTKSM | Blok D5, JPM | 22 - 23 Oktober 2018 |

## Pegawai Yang Menjalani Latihan di Luar Negara

| Nama | Gred | Tarikh Lawatan | Tempat | Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi |
|---|---|---|---|---|
| Dato' Mohd Jeffrey bin Joakim | Jusa B | 22.01.2018 - 23.01.2018 | Kemboja | Lawatan Kerja YB Menteri Sumber Manusia Ke Kemboja |
| Wan Zulkfli Bin Wan Setapa | Jusa C | 27.03.2018 - 29.03.2018 | Singapura | Mesyuarat *Asean Committee on the implementation of the asean declaration on the Protection and Promotion of the right of migrant workers.* |
| Pezman Bin Che Hussin | S52 | 02.09.2018 - 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Aishahton Syafinas Binti Abdul Aziz | S44 | 02.09.2018 - 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Hafizah Nabilah Binti Mohd Idris | S44 | 02.09.2018 - 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Rohana Binti Wan Omar Fadzil | S44 | 02.09.2018 - 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |

| Nama | Gred | Tarikh Lawatan | | Tempat | Persidangan/Seminar/Lawatan Rasmi |
|---|---|---|---|---|---|
| Junaidah Binti Tukiman | S44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Munira Balkis Binti Mohd Bakri | S44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Arman Syahlan Bin Mohd Anuar | S44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Rosli Bin Zakaria | S41/44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Sufian Hadi Bin Rohani | S44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Joanna Inbarania A/P Thawamany | S41/44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Kennedy Kumar A/L Henry Manickam | S41/44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Mohd Azizi Bin Mohd Nasir | S41/44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Noridawati Binti Abdul Rahman | S41/44 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Sabilah Binti Abu Bakar | S29 | 02.09.2018 | 15.09.2018 | Tokyo, Japan | Kursus *Economic Partnership Program (EPP)-LEP 2.0 SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERY AND WOMEN (J18-21910)* |
| Nurul Amni Binti Ishak | FA29 | 10.10.2018 | 12.10.2018 | Bangkok Thailand | Menghadiri *Nutanix.Next Conference* |

# •BINTANG & PINGAT•



**Senarai Penerima Anugerah Pingat Dan Darjah Kebesaran**

Puan Rohizah binti Mohamad Razali
**(Pingat Ahli Ahmad Shah Pahang (A.A.P.)**

Encik S. Tharu Marajan
**(Ahli Setia Negeri Sembilan) (A.N.S.)**

Puan Zakiah binti Abdul Wahab
**(Darjah Ahli Mahkota Perak) (A.M.P.)**

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

| Bil. | Nama | Gred | Tempat Bertugas |
|---|---|---|---|
| 1 | Safian Bin Hamzah | S54 | Ibu Pejabat |
| 2 | Nurul Azura Binti Arif | S44 | Ibu Pejabat |
| 3 | Che Mohd Rokman bin Che Awang | S52 | Ibu Pejabat |
| 4 | Wan Ismail bin Wan Ibrahim | S52 | Ibu Pejabat |
